

# Pasaran Asia tumpuan MBA di AeU

» *Sistem pembelajaran berorientasi industri, berteraskan era globalisasi*

**B**erteraskan situasi pasaran global yang semakin pantas berubah dan kemunculan pasaran Asia sebagai kuasa ekonomi dunia, Asia e University (AeU) menawarkan program pengajian Sarjana Pengurusan Perniagaan (MBA) secara sepenuh masa dan separuh masa. Didedikasikan kepada golongan profesional dan ahli perniagaan, program ini menggabungkan latihan terbaik dalam perniagaan menerusi skop global serta memfokus kepada wilayah Asia yang dinamis. Melalui asas konseptual dan pengetahuan praktikal model perniagaan yang mampan, amalan terbaik perniagaan timur dan barat, sensitiviti dalam isu kepelbagaian sosiobudaya pada konteks pengantarabangsaan, MBA di AeU adalah kunci kepada individu yang berhasrat meningkatkan jejak kejayaan mereka di dalam mahupun di luar pasaran Asia.

## Program pengajian MBA

Program pengajian Sarjana Pengurusan Perniagaan (MBA) ditawarkan oleh Sekolah Pengurusan melalui dua pengkhususan direka khusus untuk golongan berkerjaya yang berminat meningkatkan laluan kerjaya dan profesionalisme mereka. Menerusi program teras MBA dalam bidang pengurusan perniagaan dan keusahawanan, pelajar dilengkapi dengan skil penting yang diperlukan oleh pemimpin untuk berjaya dalam sektor korporat.

Ia juga bertekad untuk menajana kebolehan dan memperkasa ilmu pelajar dalam pengurusan perniagaan melalui pembentukan portfolio kompetensi berteraskan pengurusan, kewangan strategik, pemasaran, analisa sistem dan pembuatan keputusan melalui isu-isu serta cabaran perniagaan di peringkat tempatan serta global.

Program MBA di AeU yang ditawarkan secara sepenuh masa dan separuh masa mendapat kelulusan Kementerian Pelajaran Malaysia dan diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia. Bagi pengajian sepenuh masa, pelajar boleh menamatkan program dalam tempoh 12 bulan manakala pengajian separuh masa memerlukan jangka masa di antara 16-24 bulan.

Kelas bagi kedua-dua mod pengajian ini hanya dijalankan di hujung minggu, menjadikan ia nya amat ideal bagi golongan be-

kerja. Program ini menggunakan kaedah pembelajaran teradun; iaitu kombinasi pembelajaran bersemuka dan pembelajaran interaktif atas talian.

Matlamat utama program MBA ini adalah untuk melengkapkan pelajar dengan set skil yang diperlukan dalam menangani cabaran di tempat kerja yang semakin kompetitif. Pelajar akan memperoleh pengetahuan perniagaan daripada perspektif global yang digarap dengan kajian mendalam mengenai kuasa ekonomi Asia dan belajar bagaimana bentuk perniagaan dijalankan khususnya di wilayah Asia.

## Konteks perniagaan Asia

Program MBA di AeU menyediakan pendekatan ekstensif mengenai kepakaran dan ilmu pengurusan perniagaan dalam konteks perniagaan di Asia di bawah perspektif global, yang memberi peluang kepada pelajar memperingkatkan kebolehan secara profesional untuk diaplikasikan semasa bekerja.

Pelajar akan belajar menggunakan pengetahuan dan skil yang diperlukan untuk menjadi pemimpin yang bersifat global serta berorientasikan transformasi dan landasan sosial, melalui pendekatan, khusus kepada landskap perniagaan di Asia. Mereka juga akan berkongsi taktik dan strategi perniagaan untuk beroperasi di segenap wilayah Asia dan amalan perniagaan terbaik oleh syarikat terkemuka Asia.

AeU menyusun kurikulum program MBA yang fokus kepada keperluan industri yang mencernakan hasil dan amalan terbaik perniagaan global dalam konteks pasaran Asia yang unik. Bagi mendapatkan hasil pembelajaran yang terbaik, kurikulum program ini sentiasa melalui proses kemas kini oleh tenaga pengajar akademik serta pihak industri yang terpilih.

Pelajar akan dilengkapi dengan intisari industri yang relevan daripada pelbagai disiplin pengurusan perniagaan dan kebolehan berfikir secara inovatif serta reaktif tentang impak pembuatan keputusan, terutamanya ketika mengetuai syarikat atau organisasi.

Justeru, ia menjadikan program MBA di AeU ini istimewa dan berbeza berbanding program MBA lain yang ditawarkan dalam pasaran.

## Sekolah Pengurusan AeU

Sekolah Pengurusan (School of Management) atau SOM di AeU dikenali umum dengan penerapan pembelajarannya yang berasaskan kepimpinan daripada sudut perspektif Asia. Konsep ini juga diguna pakai oleh pelajar dan rakan korporatnya untuk mendalami aspek pengurusan yang bersifat global tetapi mengikut acuan Asia. SOM terdiri



“Program MBA di AeU menjanjikan pendekatan mendalam mengenai perniagaan di Asia berorientasikan perspektif global”

Dr Juhary Ali,  
Dekan Sekolah  
Pengurusan AeU

daripada tenaga akademik dan fasilitator akademik yang memiliki ijazah kedoktoran daripada universiti terkemuka serta mempunyai pengalaman bekerja yang luas. Ia menjadikan SOM di AeU ini sebagai institusi terbaik dalam menerajui pendidikan dan penyelidikan berdasarkan perniagaan.

“Terdapat peningkatan permintaan di Asia mengenai barangan pengguna yang mencetuskan minat syarikat multinasional untuk beroperasi di sini. Banyak organisasi di dalam wilayah Asia turut berusaha untuk menghasilkan inovasi terkini.

Oleh itu, AeU sebagai peneraju dalam pendidikan jarak jauh di Asia, adalah destinasi yang ideal bagi pelajar untuk menimba ilmu dan skil perniagaan yang menjurus kepada benua ini.

“Program MBA di AeU juga menjanjikan pendekatan mendalam mengenai perniagaan di Asia yang berorientasikan perspektif global.

“Dengan menyertai program MBA di AeU, kami yakin ia akan menjadi pelaburan terbaik anda. Pengalaman belajar di AeU yang relevan dan komprehensif mampu melancarkan pelayaran karier anda merentas lautan cabaran dan peluang perniagaan, khususnya dalam era kebangkitan ekonomi Asia,” kata Dekan Sekolah Pengurusan, Prof Dr Juhary Ali.

## Pengajian lebih fleksibel

Selaras dengan keperluan dan perkembangan pasaran, AeU sentiasa membuka peluang bagi pelajar melanjutkan pengajian ke peringkat tertinggi pada kos yang kompetitif dan fleksibel. Pengajian bersifat fleksibel memudahkan golongan bekerja untuk belajar dan menjalankan tugas secara serentak tanpa perlu mengabaikan tanggungjawab profesional dan peribadi.

Kemasukan pengajian MBA boleh dinilai melalui sistem kemasukan biasa atau sistem kemasukan terbuka. Bagi kemasukan biasa, calon perlu memiliki kelayakan sarjana muda atau sebarang kelayakan setaraf daripada organisasi yang diiktiraf.

Sementara itu, melalui kemasukan terbuka, AeU memberi peluang kedua kepada calon yang tidak mempunyai kelayakan akademik seperti mana yang digariskan dalam kemasukan biasa. Kemasukan terbuka adalah lebih fleksibel yang mana syarat kemasukan ialah calon harus berusia sekurang-kurangnya 35 tahun ketika memohon serta memiliki kelayakan STPM/Matrikulasi/Diplo-

ma/kelayakan yang diiktiraf, di samping mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang yang berkaitan.

## Infrastruktur pembelajaran

Bagi memenuhi keperluan pelajar, AeU menyediakan kemudahan dan kelengkapan yang menyokong kepada pembelajaran pelajar seperti portal khas iaitu Personalised Learning Space (myPLS) dan perpustakaan fizikal serta digital yang dipanggil sebagai Knowledge Centre.

myPLS membolehkan pelajar mengakses dan memuat turun bahan digital pembelajaran lebih awal pada bila-bila masa. Melalui portal ini juga, AeU berjaya menghubungkan secara atas talian dengan lebih efektif antara pelajar, ahli akademik, pakar matapelajaran dan penyelaras program - tanpa mengira sempadan dan faktor geografi.

Knowledge Centre di AeU pula adalah antara pusat sumber yang paling komprehensif di negara ini. Ia memiliki koleksi sumber pembelajaran dalam bentuk bercetak dan atas talian yang merangkumi 7,000 judul buku serta akses kepada lebih daripada 100,000 e-buku, 71,000 e-jurnal dan 1.6 juta e-tesis.

Pelbagai insentif, diskaun serta bantuan pinjaman disediakan oleh AeU untuk meringankan beban pelajar. AeU turut membantu pelajar dalam memohon Biasiswa MyBrain15, pinjaman daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan skim potongan KWSP.

Hari Pendaftaran Khas untuk pengambilan Januari masih dibuka sehingga 7 Februari 2015, mulai jam 9 pagi-1 tengahri di kampus utama AeU, No. 4 Jalan Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur. Pendaftaran boleh dilakukan secara pendaftaran atas talian di [www.aeu.edu.my](http://www.aeu.edu.my). Anda juga boleh menghubungi kami di talian bebas tol 1 300 300 238.



Suasana di hari terbuka dan orientasi di kampus utama Asia e University di Kuala Lumpur.